

Bandar Darulaman akan maju bila kampus **UUM** berpindah

Berita Harian

27 FEB 1990

Oleh
Zaini Nasri

UUM

BANDAR Darulaman di Jitra kira - kira 20 kilometer dari Alur Setar akan mengalami perubahan sosial sekali lagi apabila Universiti Utara Malaysia (UUM) berpindah ke kampus tetapnya di Sintok dekat sempadan Thai mulai Jun akan datang.

Kampus sementara UUM dan kolej kediamannya (Tamansiswa) di Bandar Darulaman akan diambil alih oleh tiga buah institusi iaitu Maktab Perguruan Lembah Pantai (MPLP), Institut Teknologi MARA (ITM) cawangan Kedah dan Institut Aminuddin Baki (IAB) cawangan utara.

MPLP dijangka memulakan sesi pengajiannya di Bandar Darulaman dengan 1,800 pelajar mulai bulan Jun. Ini akan diikuti oleh IAB (400 pelajar) dan ITM (500 pelajar).

Pada masa yang sama, seramai 667 orang pelajar Matrikulasi UUM juga akan menginap di Tamansiswa sehingga mereka berpindah ke kampus Sintok pada Februari 1991.

Ini akan menjadikan jumlah keseluruhan pelajar yang akan datang ke Bandar Darulaman kira - kira 3,400 orang berbanding dengan 2,200 yang ada sekarang. Ini tidak termasuk pelajar - pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS).

Memandangkan Tamansiswa UUM yang ada sekarang hanya dapat menampung kira - kira 2,500 pelajar, maka lebih banyak rumah sewa diperlukan di sekitar Bandar Darulaman dan Jitra.

Ini akan membuka peluang kepada pemilik - pemilik rumah untuk menyewakan rumah mereka kepada pelajar - pelajar berkenaan.

Para peniaga kecil terutama pengusaha kedai runcit, kedai makanan dan keperluan lain pula akan mempunyai pasaran yang lebih luas pada masa akan datang.

Darulaman Realty Sendirian Berhad, anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) yang bertanggungjawab ke atas pembangunan Bandar Darulaman perlu peka dengan perkembangan ini terutama dalam menyediakan prasarana dan kemudahan asas yang lebih lengkap lagi.

Barang diingat bahawa perpindahan yang akan berlaku ini nanti bukan setakat pelajar - pelajar tetapi melibatkan juga pensyarah, pegawai dan kakitangan ketiga - tiga institusi tersebut.

Ini pula meluaskan lagi pasaran perumahan di sekitar Jitra dan Bandar Darulaman.

Untuk tujuan rekreasi, Majlis Daerah Kubang Pasu haruslah memikirkan kemudahan - kemudahan yang diperlukan oleh penduduk yang kian bertambah kerana sehingga kini tidak terdapat tempat - tempat rekreasi yang menarik di Jitra mahupun di Bandar Darulaman.